



27 SEP, 2023

TNB anggar RM7b pemulihan ICPT



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

TNB anggar RM7b pemulihan ICPT

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) menganggarkan pemulihan kira-kira RM7 bilion daripada Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang belum diterima, berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa bagi separuh pertama tahun kewangan 2024 (1H FY2024), mencerminkan pendirian proaktifnya dalam mengurus

prospek kewangan dan mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Baharin Din berkata perkembangan itu secara ketara mengukuhkan modal kerja TNB, sekali gus meningkatkan aliran tunai dan memperbaiki tahap penggearan pada 2023.

“Pengurusan kewangan berhemah TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada Pelarasaran Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI),” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, mengenai mengulas prestasi TNB 1H FY2023 yang berakhir 30 Jun 2023, Baharin berkata, walaupun menghadapi cabaran yang berpunca daripada margin bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan dalam persekitaran yang mendesak ini.